

21/07/1999

Pembangking sengaja cetus polemik politik

Magendran Rajagopal

SECARA tiba-tiba isu berhubung pembubaran Lembaga Kewangan Pekerja India Selatan tercetus. Keadaan ini memaksa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat teguran kerana menyedari perkara itu cuba dijadikan isu politik.

Pertikaman lidah antara Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Naib Presiden DAP, M Kulasegaran berhubung isu pembubaran dana terbabit di Parlimen 12 Julai lalu turut memburukkan keadaan kerana ia sebenarnya mengalih isu kebajikan masyarakat India kepada modal politik DAP.

Perlu diakui kebanyakan pihak terbabit, khususnya parti pembangkang, mempunyai agenda politik tersendiri. Mereka sebenarnya bukanlah simpati dengan nasib kaum India, tetapi sengaja mahu mencetuskan polemik politik.

Jika dihalusi, ini hanya satu ulangan sandiwara ketika Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dikatakan menghina pekerja ladang di Dewan Rakyat apabila isu gaji mereka ditimbulkan oleh Senator N Marimuthu.

Seperti dijangka, beberapa badan NGO membidas keceluparan Keng Yaik dengan begitu lantang sekali tetapi apabila penjelasan dibuat dan diterima umum, isu itu terkubur.

Rakyat sebenarnya yakin terhadap usaha kerajaan mencari penyelesaian yang kekal berhubung isu itu tetapi ada pihak membuat tuduhan melulu dan mengeksploitasi isu berkenaan. Sememangnya mereka mengharapkan isu itu menjadi perdebatan yang panas. Pertubuhan atau parti tertentu sengaja mencari kesempatan dalam apa juga isu yang boleh dijadikan modal politik.

Isu Dana India Selatan mula dibangkitkan awal minggu lalu apabila Dewan Rakyat membahaskan pemansuhan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (KWBIS) (Pembubaran) 1999 supaya ia boleh diambil alih dan diselaras agensi kebajikan kerajaan yang sedia ada.

Tabung berkenaan diwujudkan pihak penjajah British bermula 1908, ketika itu dikenali sebagai Dana Tamil. Pada 1958 ia dibuka kepada semua orang, kebanyakannya buruh ladang dari India Selatan.

Ketika penubuhannya pada 1 September 1958, Dana Buruh India Selatan mempunyai aset terkumpul sekitar RM6.5 juta dan ia digunakan untuk keperluan sosial, kebajikan dan pendidikan buruh ladang serta keluarga mereka selain membiayai tambang buruh yang ingin kembali ke India.

Ketika itu, kumpulan wang berkenaan memiliki RM2.39 juta dan kira-kira enam hektar tanah serta ladang di Nibong Tebal yang didermakan oleh NTS Arumugam Pillai, seorang jutawan di Pulau Pinang.

Beliau turut membantu pembinaan sebuah rumah penjagaan pekerja ladang yang sudah uzur dan sebuah jawatankuasa ditubuhkan bagi menyelaras penggunaan dana terbabit selain menjaga kebajikan pekerja ladang.

Selama lebih 40 tahun, pengurusan jawatankuasa terbabit berjalan lancar sehingga mampu mengumpul harta lebih RM5 juta tetapi mula menghadapi masalah apabila ladang dijual bagi dibangunkan untuk pembinaan kilang atau kawasan perumahan dan nasib lebih ramai pekerja ladang terabai.

Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Affifuddin Omar, setakat ini lebih 27,000 orang buruh dari India Selatan sudah dihantar pulang manakala bakinya menerima status sebagai warga negara.

Katanya, hanya 27 ahli masih menetap di rumah penjagaan di Nibong tebal dan menerima saraan RM20 sebulan daripada tabung itu tetapi kebanyakan mereka sudah mula dipindahkan ke rumah kebajikan kerajaan sejak minggu lalu.

Kata Dr Affifuddin, selepas pembubaran KWBIS, semua tugas jawatankuasa pengurusan dana terbabit akan diambil alih kerajaan bagi memastikan semua tanggungan mereka dibawa masuk ke dalam aliran utama kebajikan negara.

Saranan itu wajar dialu-alukan. Cuma, kerajaan perlu mengambil kira pandangan serta cadangan jawatankuasa dana terbabit yang berjaya menguruskannya dengan baik sejak lebih 40 tahun lalu. Pendekatan seumpama itu boleh mengelakkan rasa tersinggung rakyat India tempatan yang kebanyakan nenek moyang mereka pada asalnya berhijrah ke negara ini dari India Selatan sebagai buruh ladang.

Langkah itu juga mampu membantu usaha kerajaan memupuk semangat bangsa Malaysia di kalangan rakyat pelbagai kaum di sini bagi mengikis amalan pecah dan perintah (divide and rule) yang didukung penjajah British.

Tugas terbabit boleh dilaksanakan dengan sempurna menerusi saluran tertentu. Sebenarnya, segala kemelut berhubung Dana Buruh India Selatan ini dapat dielak jika kerajaan membuat huraian terperinci kepada masyarakat terlebih dulu. Ini akan menguatkan lagi keyakinan masyarakat India tempatan terhadap kerajaan sebagai tempat bergantung harapan.

(END)